

10 SEP 2001

LEAD Mahathir-Russia

DR MAHATHIR LAWAT RUSSIA EMPAT HARI MULAI RABU

KUALA LUMPUR, 10 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan melakukan lawatan selama seminggu ke Russia dan Jerman bermula Rabu ini, kata Kementerian Luar dalam kenyataan hari ini.

Lawatan beliau ke Moscow selama empat hari dari 12 hingga 15 Sept adalah atas jemputan Presiden Russia Vladimir Putin manakala lawatannya ke Jerman dari 18 hingga 20 Sept atas jemputan Canselor Jerman Gerhard Schroeder.

Dr Mahathir akan diiringi oleh isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan rombongan 60 anggota termasuk menteri kabinet dan pegawai kanan kerajaan serta ahli perniagaan.

Mengenai lawatan ke Russia, kementerian itu menyatakan bahawa Dr Mahathir telah melawat wilayah Khabarovsk dan Buryatia pada Ogos 1999.

Kenyataan itu berkata lawatan ke Persekutuan Russia itu bertujuan meningkatkan lagi hubungan kerjasama meliputi bidang politik, ekonomi dan perdagangan.

"Lawatan itu juga akan membolehkan Perdana Menteri melihat sendiri perkembangan dinamik yang berlaku di Russia dalam era pasca Soviet," katanya.

Kenyataan itu berkata Dr Mahathir akan bertemu dengan Presiden Russia untuk berbincang mengenai isu-isu dua hala, serantau dan antarabangsa yang mempunyai kepentingan bersama.

Program lawatan itu juga termasuk lawatan ke Pusat Bio-Tech Russia dan Pusat Meteorologi serta menyaksikan demonstrasi jet pejuang SU30.

Dr Mahathir juga dijadualkan berucap pada forum perniagaan Malaysia-Russia yang dianjurkan bersama oleh Institut Strategi dan Kepimpinan Asia (Asli), Tabung Kerjasama Russia-Asean dan Matrade.

Semasa lawatan itu, kedua-dua kerajaan dijangka menandatangani Memorandum Persefahaman mengenai Kredit dan Peraturan Pembayaran Minyak Sawit manakala Bank Negara dan Vnescomnbank of Russia akan menandatangani Perjajian Mengenai Peraturan Pembayaran Minyak Sawit.

Perdagangan dua hala antara Malaysia dan Russia bagi 2000 bernilai US\$265.6 juta. Nilai eksport Malaysia ialah US\$74.5 juta manakala importnya dari Russia berjumlah US\$191 juta, kata kenyataan itu.

Jumlah perdagangan pada suku pertama tahun 2001 pula ialah US\$65.4 juta, dengan eksport Malaysia berjumlah US\$29.5 juta dan importnya US\$35.9 juta.

Mengenai lawatan Dr Mahathir ke Jerman, kenyataan itu berkata ia bertujuan memberi promosi kepada daya tarikan Malaysia untuk menggalakkan kedatangan pelabur dan palancong ke negara ini.

Semasa lawatan itu Perdana Menteri akan berpeluang untuk melihat sendiri teknologi terbaru yang digunakan dalam bioteknologi, teknologi maklumat dan industri pengangkutan di Jerman, kata kenyataan itu.

Lawatan itu juga akan memberi peluang bagi peningkatan kerjasama dalam bidang pendidikan dengan negara itu dan akan digunakan untuk merapatkan lagi hubungan politik, ekonomi dan perdagangan antara Jerman dan Malaysia.

Semasa di Berlin, Dr Mahathir dijadualkan bertemu Schroeder dan mereka dijangka membincangkan isu-isu dua hala, serantau dan antarabangsa yang menyentuh kepentingan bersama.

Kenyataan itu berkata Dr Mahathir juga akan menerima kunjungan Joschka Fisher, Naib Canselor Jerman yang juga Menteri Luarnya, dan turut menemui Wolfgang Thierse, Presiden Bundestag (satu kumpulan parlimen) di bangunan

Parlimen.

Dr Mahathir juga dijadual merasmikan pembukaan bangunan Canseri di Kedutaan Malaysia di Berlin.

Di Munich, Dr Mahathir akan memberi ucapan pada satu forum perniagaan dan melawat pusat Bio-Tech, Siemens selain menemui pelajar dan masyarakat Malaysia.

Perdagangan dua hala Malaysia dengan Jerman bagi tempoh antara Januari dan Jun 2001 berjumlah US\$2.45 bilion. Jerman adalah rakan perniagaan terbesar Malaysia di Eropah bagi tahun 2000 dan satu sumber utama Pelaburan Asing Langsung ke Malaysia, kata kenyataan itu.

-- BERNAMA

ES ES NMO